



Ruj. Kami: SPA.PK. 497/1 Jld. 4 ()

Tarikh : 14 Mac 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian;

Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan;

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis; dan

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENARIKAN BALIK PEWAKILAN KUASA UNTUK MELANTIK, MENGESAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DAN MEMASUKKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN JAWATAN-JAWATAN KUMPULAN SOKONGAN II (GRED 1 HINGGA 16) DI BAWAH SURAT CARA PEWAKILAN KUASA 1997 [P.U.(B) 496/1997]

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah mewakilkan kuasa untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen bagi jawatan-jawatan kumpulan sokongan II (Gred 1 hingga 16) di bawah bidang kuasa perkhidmatan awam am Persekutuan dan pentadbiran Negeri Pulau Pinang dan Melaka kepada Ketua-Ketua Kementerian/ Jabatan melalui surat cara perwakilan kuasa 1997 [P.U.(B) 496/1997] berkuat kuasa mulai 1 September 1996.

3. Selaras dengan kajian semula terhadap beberapa skim perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkuat kuasa mulai 1 November 2013, kebanyakan skim perkhidmatan bagi jawatan tertentu dalam Kumpulan Sokongan II (Gred 1 hingga 16) telah dipinda dan dinaikkan ke gred jawatan yang lebih tinggi. Justeru itu, pelantikan pegawai awam ke skim perkhidmatan bagi jawatan tertentu dalam Kumpulan Sokongan II (Gred 1 hingga 16) telah semakin berkurangan.

4. Dengan perkembangan tersebut, Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bil. 2/2014 pada 13 Januari 2014 telah memutuskan supaya kuasa yang diwakilkan melalui P.U.(B) 496/1997 ditarik balik dan dilaksanakan semula oleh SPA mulai **1 April 2014**.

5. Keputusan untuk menarik balik kuasa tersebut dibuat bagi memastikan segala tatacara pelantikan pegawai awam adalah selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan dan bagi mengelakkan persoalan-persoalan mengenai urusan pelantikan dan perkhidmatan yang tidak teratur berbangkit.

6. Bagi melaksanakan keputusan tersebut, beberapa kaedah telah diputuskan seperti berikut:

6.1 Semua urusan pelantikan (bermula dari tatacara pengiklanan, tapisan, temuduga dan tawaran pelantikan), pengesahan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen bagi jawatan-jawatan yang terlibat di bawah P.U.(B) 496/1997 akan dilaksanakan sepenuhnya oleh SPA mulai 1 April 2014;

6.2 Sebarang urusan pelantikan (pengiklanan, tapisan, temuduga dan tawaran pelantikan) ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan Sokongan II (Gred 1 hingga 16) yang masih belum selesai pada 1 April 2014 hendaklah diserahkan secara keseluruhannya untuk dikendalikan oleh SPA; dan

6.3 Permohonan pengisian jawatan yang terlibat hendaklah dihantar kepada SPA melalui sistem ePengisian di dalam portal rasmi SPA www.spa.gov.my seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling SPA Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 31 Disember 2013.

7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan surat edaran ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pengambilan Khas, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia talian 03-8885 6250, 03-8880 6419 dan 03-8885 6246.

8. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK RAMLI BIN JUHARI)

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

No. Tel : 03-8885 6025

Emel : ramli@spa.gov.my